

Kuantan Waterfront pilihan tepat

» Projek KWRC dibangunkan Newston jadi ikon terbaru Pahang

Oleh Amin Ridzuan Ishak
aminridzuan@bh.com.my

► Kuantan

Bagi mereka yang merancang membuat pelaburan dalam sektor hartanah, Kuantan Waterfront Resort City (KWRC) dekat Tanjung Lumpur di sini, adalah satu pilihan tepat berdasarkan potensinya yang mampu menarik jutaan pengunjung.

Terletak dua kilometer (km) daripada bandar Kuantan, iaitu pintu masuk ke Pantai Timur, projek bernilai bilion ringgit itu berjalan lancar dengan reka bentuknya dibuat untuk menjadikannya sebagai pusat perangan, santai dan hiburan pertama yang menghadap laut.

Kerja pembinaan menara setinggi 29 tingkat sudah bermula dan bangunan moden serta me-



Model projek pembangunan Kuantan Waterfront Resort City.

wah itu menawarkan pemandangan indah termasuk matahari terbit di Laut China Selatan dan persekitaran malam menakjubkan bandar Kuantan.

Nilai tambah kepada projek itu turut ditingkatkan menerusi pembinaan Waterfront Services Hotel; Boutiques Resort & Spa; Waterfront Suites Residence dan kediaman pelbagai jenis antaranya banglo, villa terapung, kondominium dan apartmen.

Turut dibina pusat konvensyen, taman hidupan marin terbesar serta taman tema air, akuaria,

pusat beli-belah, kedai bebas cukai dan restoran terapung.

Projek 5 fasa

Projek dibangunkan Newston International Group Sdn Bhd (Newston) dan Ideal Heights Development Sdn Bhd itu, mampu menjadikan KWRC sebagai ikon terbaru Pahang apabila siap sepenuhnya dalam tempoh 10 hingga 15 tahun menerusi pelaksanaan lima fasa projek.

Apabila siap, ia akan mempunyai sembilan presint iaitu Taman Perniagaan KWRC, ruang pe-

jalan kaki marina, ruang hijau marina, bandar lampu, terminal kapal pelayaran antarabangsa, pusat konvensyen, hab perubahan dan penjagaan kesihatan.

Antara tarikan utama di projek berkenaan yang dinantikan adalah pembinaan menara komersial setinggi 59 tingkat iaitu tertinggi di wilayah Pantai Timur.

Pembangunannya yang termasuk dalam Pelan Induk Ekonomi Pantai Timur dijangka memberi kesan positif antaranya kepada sektor pelancongan dan dalam masa sama meningkatkan pen-

dapatan negeri, peluang pekerjaan serta aktiviti sampingan kepada penduduk setempat.

Pengarah Urusan Ideal Heights Development, Heap Wei Guan, berkata pembangunan projek itu mampu memberi pulangan kepada pelabur berdasarkan potensinya termasuk menarik pelawat berkunjung ke KWRC.

"Berdasarkan kepada sasaran kami, ia mampu menarik lebih satu juta pelancong dan kedu-kudannya juga amat strategik iaitu tidak jauh dari bandar Kuantan," katanya.

Bagi mereka yang ingin membuat pelaburan bijak di KWRC, mereka boleh mengambil kesempatan menerusi tawaran khas bermula 1 Februari lalu sehingga 5 Mac depan sempena Tahun Baharu Cina, membabitkan diskaun 10 peratus, rebat RM8,888 dan cabutan bertuah Sijil Simpanan Premium (SSP) Bank Simpanan Nasional (BSN) dengan premium simpanan sehingga RM3,880.

Untuk maklumat lanjut boleh melawat galeri jualan yang dibuka setiap hari dari jam 10 pagi sehingga 6 petang atau hubungi talian 09-5342288 atau laman web, www.kwrc.com.my atau www.facebook.com/kuantanwaterfront.



**KUANTAN WATERFRONT
RESORT CITY**
PAHANG, MALAYSIA



Pembangunan Fasa 1



Pembangunan Residensi



Pembangunan Komersial



Pembangunan Pelancongan



**Tahun Baru,
Permulaan Baru,
KWRC - Perubahan Gaya Hidup Anda**

Tawaran Hebat:
1 Feb 15 - 5 Mac 15

- ★ Istimewa Diskaun 10%*
- ★ Diskaun Tambahan Tahun Baru Cina RM8,888*
- ★ Cabutan Bertuah BSN SSP sehingga RM3,880*

* Semaklah terma & syarat

Acara Istimewa:
28 Feb & 1 Mac 15 (Sabtu & Ahad)
Lokasi: Galeri Jualan KWRC

Aktiviti yang dijadualkan:

- ★ Memperkenalkan Pelan Induk KWRC
- ★ Tarian Singa**
- ★ Kemunculan "God of Prosperity"***
- ★ Pertunjukan Badut**
- ★ Sesi photo booth
- ★ Jamuan makanan disediakan

** Harap hadir 28 Feb 2015

Ideal Heights Development Sdn. Bhd. (010-221-1111)

KWRC Headquarters (KL):
No 1 & 2, Jalan Bukit Idaman 8/1, P.O. Box 20,
Bukit Idaman, 68100 Selayang, Selangor.
Tel : (03) 6138-6102 Fax : (03) 6138 7890

KWRC Property Gallery (Kuantan):
Lot. P1, 320622, Tanjung Lumpur, 26090
Kuantan, Pahang Darul Makmur
Tel : (09) 534 2288 / 017-811 6288



For Enquiries:
+609 534 2288
www.kwrc.com.my

A LIFE/STYLE DEVELOPMENT BY



NEWSTON